

Headline	Datuk Siti kini berimej baru		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	13	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	236 cm <sup>2</sup>
Journalist	Farihad Shalla Mahmud	AdValue	RM 7,990
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,970



# Datuk Siti kini berimej baru

» Bertudung  
litup sempena  
hari jadi ke-34

Oleh Farihad Shalla Mahmud  
farihad@bharian.com.my

## ► Kuala Lumpur

**P**enyanyi terkenal, Datuk Siti Nurhaliza kini mengenakan imej bertudung litup sempena hari lahirnya yang ke-34, semalam.

Gambar imej barunya itu juga dimuatkan Siti di laman sosial bergambar, Instagram.

"Inilah imej Siti untuk usia 34 tahun dan Siti harap penampilan baru ini akan terus kekal sampai bila-bila," katanya kepada BH.

Menerusi gambar dimuat naik dalam laman berkenaan, Siti mengenakan tudung rona hitam dan kelabu berkonsepkan Hijabista ala pereka tersohor, Hana Tajima yang cukup terkenal ketika ini.

Sebelum ini tudung yang dikenakan Siti sering menjadi isu hangat kerana ia menampilkan sebahagian rambutnya, malah berlanjutan apabila penyanyi itu sering dihubung pertanyaan bila akan mengenakan tudung lengkap.

Ditanya harapannya sempena ulang tahun kelahiran, tiada lain yang diinginkan penyanyi terkenal dengan lagu *Biarlah Rahsia* ini selain dikurniakan kehidupan sempurna.

"Siti mengharapkan agar hari-hari yang dilalui akan lebih baik dan mematangkan diri. Semoga mendapat kegembiraan, kebahagiaan dan ketenangan selalu. Siti juga berharap agar kita semua mendapat rahmat Yang Maha Esa dan sentiasa berada di bawah lindungan-Nya," katanya.

## Persembahan malam amal ditunda

Dalam perkembangan lain, persembahan Malam Amal Tahajjud Cinta Bersama Datuk Siti Nurhaliza yang dijadualkan jam 8 malam 30 Januari ini di Grand Hyatt Kuala Lumpur, ditunda kepada 3 April, namun waktu dan lokasi majlis kekal seperti dirancang.

Penundaan acara itu diumumkan sendiri penganjur, Fareeda, menerusi kenyataan media yang dikeluarkan semalam, atas alasan beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan.

Berkonsepkan muzik kerohanian, acara itu bagi membantu memungut dana untuk dua pertubuhan kebajikan, Yayasan Aids Malaysia dan Yayasan Ihtimam Malaysia.

Headline	Datuk Siti kini berimej baru		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	13	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	236 cm <sup>2</sup>
Journalist	Farihad Shalla Mahmud	AdValue	RM 7,990
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,970

